



# PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN BERTARAF BUMIPUTERA** dalam Kod Bidang **221001 (Pembersihan Pembangunan Dan Pejabat)** yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa menyertai sebut harga berikut:

BUTIRAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG BEKALAN/PERKHIDMATAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TUTUP TENDER
<b>SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DI PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN BANDAR MERU RAYA, OFF JALAN JELAPANG, 30020 IPOH, PERAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK TETUAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK</b>	221001 (Pembersihan Pembangunan Dan Pejabat)	Bahagian Kawalan Projek, PKNPk  08 Disember 2021 (Rabu)  Hingga  15 Disember 2021 (Rabu)	<b>RM 50.00</b> <b>Dibayar Secara Tunai</b>	<b>Tarikh:</b> 15 Disember 2021 (Rabu)  <b>Masa:</b> Sebelum Jam 12.00 tengahari  <b>(Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dilayan)</b>
Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan Sosial oleh KKM dan MKN. Pemakaian penutup muka semasa membeli Dokumen Sebut Harga adalah <b>DIWAJIBKAN</b> .				

- Pihak kontraktor perlu mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam bidang berkaitan** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil bahagian dalam Sebut Harga ini. Hanya kontraktor tempatan dari negeri **PERAK SAHAJA** yang layak untuk mengambil bahagian di dalam sebut harga ini. **Salinan fotostat Sijil Pendaftaran tidak akan dilayan.**
- Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak di Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) semasa waktu pejabat.
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat bermula pukul 9.00 pagi sehingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat) di **Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Tingkat 5, No. 1-A, Blok A, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** secara bayaran **TUNAI** sahaja. Pihak Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal Lesen Kementerian Kewangan (MOF)** dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga. Pihak Kontraktor adalah dikehendaki mencetak sendiri dokumen **WAJIB** yang perlu dikemukakan bagi tujuan Sebut Harga.
- Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam Peti Tender Bahagian Kawalan Projek, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk), Tingkat 5, No. 1-A, Blok A, Menara PKNP, Jalan Meru Casuarina, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan** tidak lewat daripada **15 Disember 2021 (Rabu), sebelum jam 12.00 tengahari**. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga.